

UNTUK SIARAN SEGERA

Panasonic Melancarkan Platform Pengawasan i-PRO Extreme Baharu

Kamera H265, Perakam dan Perisian yang menyampaikan Prestasi Ekstrem Dalam Keadaan Ekstrem.

Kuala Lumpur, 23 Mei 2017 – Panasonic, pengeluar utama keselamatan bersepadu dan penyelesaian pengawasan video, hari ini memperkenalkan generasi seterusnya bagi platform teknologi i-PRO® Extreme di Panasonic HOME·2·COM Solutions Centre, Bangsar South. Platform i-PRO Extreme ini disediakan dengan barisan kamera, perakam dan perisian pengurusan video (VMS) baharu – yang menyediakan sistem hujung ke hujung natif H.265 yang memaparkan peningkatan yang dibuktikan dalam kualiti imej, kebolehpercayaan sistem, keselamatan IP dan kecerdasan tertanam.

Dengan Pelancaran ini, Panasonic terus meningkatkan tahap kualiti imej sekaligus merendahkan keperluan lebar jalur yang melebihi jangkaan pelanggan. Dengan menyediakan penyelesaian ini dengan keselamatan IP yang mantap dan kemudahan penggunaan yang ditambah baik, ini membantu pengguna menangkap, merakam dan menguruskan pengawasan video mereka dalam senario pengawasan yang paling mencabar.

Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, Encik Cheng Chee Chung berkata, “Pengenalan i-PRO Extreme Solution mengukuhkan lagi komitmen Panasonic yang ingin menyediakan Penyelesaian Pengawasan berkesan dengan memaksimumkan pulangan pelanggan pada Pelaburan Keseleamatan.” “Pertahanan keselamatan ialah keutamaan tertinggi dalam mana-mana perniagaan. Kami di Panasonic berazam untuk menyediakan perniagaan dengan ketenangan minda melalui pelbagai pilihan penyelesaian keselamatan”, tambah Cheng.

Teknologi Dasar yang mentakrif keunikan i-PRO Extreme termasuk:

KEBOLEHLIHATAN EKSTREM: Merakam kualiti imej tertinggi secara automatik walaupun dalam persekitaran yang sangat dinamik dan mencabar pencahayaannya.

- Mod Automatik Pintar: Memantau dinamik pemandangan dan pergerakan secara berterusan untuk melaras tetapan kamera utama dalam masa nyata secara automatik
- Rangkaian superdinamik Dipertingkatkan 144dB: Prestasi rangkaian dinamik utama dalam industri menyampaikan pendedahan pemandangan seimbang dalam persekitaran dinamik yang tinggi serta pencahayaan belakang yang ekstrem.
- Penglihatan Malam Berwarna: Menyampaikan prestasi pencahayaan rendah yang hebat (0.0008 to 0.015 lux) dengan pamer warna dan ketepatan yang tepat.

PEMAMPATAN EKSTREM: Piawai industri H.265 bersama dengan teknologi Pengekodan Pintar Panasonic menyampaikan imej berkualiti tinggi pada kadar bit yang terendah.

- **Pemampatan H.265:** Pemampatan H.265 menyampaikan imej berkualiti tinggi ketika mengurangkan penstriman dan keperluan simpanan sebanyak kira-kira 50 peratus melebihi H.264
- **Pengekodan Pintar:** Dengan penggunaan utama H.265, Pengekodan Pintar dengan Kawalan GOP mengurangkan lebar jalur secara lebih banyak untuk kecekapan gabungan sehingga 75 peratus melebihi H.264
- **Pengekodan Wajah Pintar:** Teknologi pengesanan wajah berprestasi tinggi dalam kamera mengesan secara automatik wajah dalam pemandangan dan mengekod bahagian tersebut pada kualiti tertinggi, memastikan pengenalan jelas.

SEKURITI DATA EKSTREM: Sut Komunikasi Selamat i-PRO memastikan keselamatan IP hujung ke hujung yang mantap bagi i-PRO Extreme berdasarkan rangkaian pengawasan.

- **Komunikasi Selamat:** Disebabkan setiap peranti dengan alamat IP boleh terdedah, i-PRO Extreme dengan Komunikasi Selamat kini menawarkan lapisan tambahan rangkaian berdasarkan perlindungan termasuk sut keselamatan tahap PC, tertanam dalam semua Kamera, Perakam dan Perisian Pengurusan i-PRO Extreme baharu untuk penyulitan data dan komunikasi yang mantap.
- **Diiktiraf FIPS:** Produk i-PRO Extreme memenuhi Piawai Pemprosesan Maklumat Persekutuan (FIPS) 140-2 Tahap 1, seperti yang diperlukan untuk FBI dan penggunaan Keselamatan Awam.

KEBOLEHPERCAYAAN EKSTREM: Menyampaikan kadar kegagalan rendah dan kelewahan dengan Kawalan Kuasa Dinamik HDD, Auto Failover bersama dengan program waranti 3 tahun i-PRO Panasonic untuk peningkatan dan sokongan perkhidmatan yang tiada bandingan.

Barisan Kamera i-PRO Extreme

Pelbagai 17 model baharu kamera H265 yang akan dilancarkan menyokong hingga resolusi 3MP. Kamera baharu ini berbeza dalam cara penggunaannya, spesifikasinya dan sesuai untuk penggunaan dalam dan luar rumah. Bersama dengan kamera ini, Panasonic turut melancarkan kamera persekitaran sukar, Aero PTZ (sorot, miring dan zoom) yang direka untuk menghadapi keadaan cuaca yang buruk daripada hujan kepada salji hingga angin kuat dengan suhu yang melampau, menjadikannya sesuai untuk Pelabuhan Laut, Stesen Kuasa dan Lapangan Terbang.

Keunikan model Kamera i-PRO Extreme termasuk:

- Pengekodan Pintar H.265 (GOP Panjang, Auto-VIQS, Pengekodan Wajah Pintar)
- Keceriasan H-264 dan penstriman mod bercampur, perakaman dan pemaparan
- Penstabilan Imej Automatik
- Komunikasi Selamat
- Pengekodan serentak hingga 4 Strim H.265/264
- Superdinamik Dipertingkatkan 144dB pada 30fps (bergantung pada model)
- Kepekaan ultratinggi dari 0.008 lux hingga 0.015 dalam mod warna (bergantung pada model)
- Perlindungan Hujan Boleh Sentuh (model luar rumah sahaja)
- Dicipta dalam LED IR (hingga 130 kaki)

Perakam i-PRO Extreme WJ-NX400

Perakam WJ-NX400 bercirikan perakaman H.265/H.264 yang dipertingkatkan dan kapasiti saluran perakaman (hingga 128) serta GUI diintegrasikan untuk aplikasi PC-Less yang membolehkan penyelesaian Kamera/Perakam/Pemaparan lengkap tanpa memerlukan klien PC yang berasingan.

Aplikasi Pengurusan Video i-PRO Extreme WV-A SM300

Aplikasi Pengurusan Video Selamat i-PRO Extreme H.265 WV-A SM300 adalah aplikasi berkuasa Windows® yang membolehkan H.265 disediakan dengan selamat dan boleh skala, berbilang kamera, persekitaran pengurusan pengawasan berbilang perakam dan sesuai dengan barisan i-PRO Panasonic bagi kamera H.264, perakam dan pengekod.

Tentang Panasonic Malaysia

Panasonic Malaysia Sdn Bhd merupakan syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi produk elektrik dan elektronik antaranya audio visual, perkakas rumah, penyaman udara, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan pencahayaan. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut tentang produk dan jenama Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk rakan media, muat turun acara, siaran akhbar produk dan foto di www.pmpressroom.com

Media Contact: Mazlee Mokhtar
Pengurus, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Jabatan Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com